

Korek pasir Sungai Ular berleluasa

Oleh OPAT RATTANACHOT

uspetani@utusan.com.my

KULIM 22 Julai – Belum pun reda kes kecurian pasir di Selangor dan Pulau Pinang, penduduk Kedah pula dikejutkan dengan kegiatan mengorek pasir sungai yang dikesan berleluasa di Sungai Ular dekat sini.

Kegiatan mengorek pasir secara tidak terkawal sepanjang jalan yang menghubungkan bandar Kulim ke Pekan Serdang itu sejak lebih setahun lalu mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya apabila tebing

sungai runtuh akibat hakisan.

Sungai itu yang pada asalnya jernih dan boleh digunakan untuk tujuan pengairan di kawasan kebun juga semakin tercemar dan berkeladak.

Lebih membimbangkan, kegiatan mengeluarkan pasir sungai berkenaan telah menyebabkan hakisan teruk dan kedudukannya saban hari makin hampir dengan laluan antara Kilometer 8 dan 12 di Jalan Kulim-Serdang.

Naib Pengerusi Barisan Nasional (BN) Bahagian Kulim/Bandar Baharu, **Chua Teng Ghee** berkata, kegiatan berkenaan jika terus dibiarkan akan

meninggalkan kesan buruk terhadap pengguna jalan raya.

“Tebing jalan raya makin runtuh dan terlalu hampir. Di Kilometer 7 Jalan Kulim-Serdang dekat sebuah kuil Hindu, jarak antara sungai adalah hanya kira-kira tiga meter.

“Kita bimbang ia runtuh terutama ketika musim tengkujuh,” katanya ketika ditemui pemberita selepas meninjau kawasan terbabit di sini hari ini.

Teng Ghee yang juga Ketua MCA Bahagian Kulim/Bandar Baharu memberitahu, pihaknya difahamkan kegi-

atan mengorek pasir itu mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri atas alasan membersihkan sungai.

Bagaimanapun, katanya, para pengusaha dikatakan mengambil kesempatan untuk mengeluarkan pasir sungai bagi tujuan projek pembinaan di kawasan Taman Teknologi Tinggi Kulim.

“Kita tidak membantah jika ia digunakan untuk tujuan pembangunan. Namun apa yang dikesali kegiatan ini makin berleluasa dan dibiarkan tanpa sebarang pemantauan sehingga menjejaskan alam sekitar

serta tebing sungai,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri dan agensi berkaitan sepatutnya mengkaji semula pengeluaran permit tersebut bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku pada masa akan datang.

“Saya sudah panjangkan kes ini dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah Kulim yang dihadiri pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) serta Pejabat Tanah Kulim,” jelasnya.

Jurutera JPS Daerah Kulim/Bandar Baharu, **Mohd. Khuzai Khussani** ketika dihubungi memberitahu, penge-

luaran pasir di sungai itu dilakukan di tanah milik Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan JPS tiada peruntukan undang-undang untuk menghalangnya.

Katanya, permit pengeluaran pasir itu dijalankan sejak beberapa bulan lalu dengan kebenaran Pengarah Tanah dan Galian (PTG) negeri.

“Tanah sekitar kawasan ini dimiliki PKNK melalui anak syarikatnya Kulim Hi-Tech Park Corporation (KTPC). Pasir di sini dibekalkan untuk kegunaan projek pembangunan di Taman Teknologi Tinggi Kulim.